



KEPADA : SEMUA PELAJAR IJAZAH PERTAMA (PENUH MASA) & DIPLOMA

**HEBAHAN AKTIVITI PENDAFTARAN
KURSUS SEMASA CUTI PANJANG (KSCP), SIDANG AKADEMIK 2023/2024**

1. JADUAL AKTIVITI KSCP, SIDANG AKADEMIK 2023/2024

AKTIVITI	TARIKH
Keputusan Peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2023/2024	29/08/2024 (Khamis) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11.00 pagi melalui portal <i>Campus Online</i> . (http://campusonline.usm.my)
Aktiviti Pendaftaran Kursus KSCP di Pusat Pengajian	28/08/2024 (Rabu) – 04/09/2024 (Rabu)
Tempoh Pengajaran & Pembelajaran	02/09/2024 (Isnin) – 15/09/2024 (Ahad)
Peperiksaan	17/09/2024 (Selasa) – 19/09/2024 (Khamis)
Cuti	23/09/2024 (Isnin) – 13/10/2024 (Ahad)
Keputusan Peperiksaan KSCP, Sidang Akademik 2023/2024	07/10/2024 (Isnin) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11.00 pagi melalui portal <i>Campus Online</i> . (http://campusonline.usm.my)

2. SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

- (a) Pelajar perlu menghubungi Pusat Pengajian/Pusat yang berkenaan untuk menyemak dan mendapatkan pengesahan senarai kursus yang akan ditawarkan sebelum tarikh pendaftaran kursus.
- (b) Kursus yang telah diubahsuai ke 100% kerja kursus pada Semester Kedua, Sidang Akademik 2023/2024 tidak boleh ditawarkan sewaktu KSCP 2023/2024.

3. ASAS & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELAJAR MENGIKUTI KSCP

- (a) Kategori Pelajar yang boleh mendaftar KSCP ialah seperti berikut:
 - i. Pelajar tahun akhir yang perlu memenuhi unit berijazah
 - ii. Memperolehi gred Gagal (gred F) di dalam sesuatu kursus
 - iii. Memperolehi gred 'DK' (Dengan Kebenaran)
 - iv. Mendapat keputusan 'C-', 'D+', 'D' atau 'D-'
- (b) Pelajar yang memperolehi gred 'F*' dan 'X' **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti KSCP.

4. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KURSUS

- (a) Pelajar yang ingin mengikuti KSCP, **wajib** mendaftar kursus melalui Pusat Pengajian masing-masing.
- (b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar mendaftar lebih daripada unit tersebut.
- (c) Pelajar yang mengikuti KSCP tidak dibenarkan menambah ataupun menggugur kursus selepas minggu pertama.

5. PELAJAR TAHUN AKHIR

- (a) Pelajar di tahun akhir yang perlu mengikuti KSCP bagi tujuan pengijazahan perlu menghubungi segera Pusat Pengajian masing-masing supaya kursus-kursus yang perlu ditawarkan dapat dikenal pasti dengan segera.
- (b) Pelajar tahun akhir yang telah memenuhi semua syarat pengijazahan dan disahkan layak berijazah oleh Universiti selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester 2, Sidang Akademik 2023/2024 adalah **TIDAK LAYAK** mengikuti KSCP.

PARA PELAJAR DIMINTA MEMATUHI TARIKH AKTIVITI KSCP SIDANG AKADEMIK 2023/2024 DAN ARAHAN YANG DINYATAKAN.

Kerjasama semua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Unit Rekod Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar

No. Tel. : 04-653 2336 / 2924 / 4194 / 2925 / 3169 (Pejabat Am)
E-mel : sdrp@usm.my
Web : bpa.usm.my
Tarikh luput : 13/10/2024